

Headline **Tanggung motosikal tanpa dadah**
Date **12 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **NORMAWATI MUHAMAD KASIM**
Frequency **Daily**
ADValue **1,436**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **261 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **4,307**



Tanggung motosikal tanpa dadah

NORMAWATI MUHAMAD KASIM

KUANTAN - Menunggang motor tanpa pengaruh dadah. Itulah hasrat Drugs-intervention Community (DiC) Pahang dalam menganjurkan KTM Roadshow Fest 2009.

Exco DiC, Bahagian Pejabat Urusan, Salehuddin Saadan berkata, KTM Roadshow Fest 2009 diadakan bukan sahaja semata-mata pameran motor tetapi mahu membuktikan bahawa penunggang motosikal mampu menunggang sejauh mana pun tanpa mengambil dadah.

"Pameran ini merupakan anjuran KTM Sportmotorcycle AG, Majalah World Tour Riders (WTR) dan DiC turut mengambil bahagian dengan menyebarkan maklumat berkenaan Human Immunodeficiency Virus (HIV) dan Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) kepada pengunjung.

"Setiap aktiviti yang kita adakan dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat bagi mengelakkan mereka terjebak dalam dadah," katanya semasa mengadakan Pameran KTM Road Show Fest 2009, di sini, semalam.

sumbangan kerjasama

Menurutnya, usaha mengedarkan risalah yang mengandungi maklumat berkaitan Aids kepada orang ramai amat penting bagi mengurangkan stigma masyarakat terhadap bekas penagih dadah.

"Kita mahu menyedar-

kan masyarakat bahawa masalah dadah bukanlah masalah satu golongan sahaja tetapi adalah masalah semua.

"Kami menyedari bahawa masyarakat sukar menerima bekas penagih dan sejak penubuhannya tahun 2001, kami buat apa yang termampu tanpa meminta bantuan daripada sesiapa," katanya.

Menurutnya, keadaan sudah banyak berubah sekarang apabila orang ramai sudah nampak usaha yang dilakukan DiC.

"Baru sekarang kami menerima sumbangan dan kerjasama daripada pihak lain yang nampak usaha kami yang tidak berputus asa dengan 11 perkhidmatan yang kami sediakan.

"Antara perkhidmatan yang kami lakukan adalah bantuan 24 jam, kaunseling, aktiviti pencegahan, menolong mengebumikan pesakit Aids yang meninggal dunia dan program pertukaran jarum suntik," katanya.



● Ahli DiC mengedarkan risalah kepada orang awam bagi menyebarkan maklumat tentang AIDS dan HIV.